

**Mahathir  
pemimpin  
dihormati  
UM 28 SEP 1985  
dari  
disayangi  
P rakyat**

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Tidak dapat dinafikan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, adalah seorang pemimpin yang dihormati dan disayangi rakyat kerana ke mana sahaja beliau pergi, ada saja yang ingin bergambar dan bersalaman dengannya.

Pada hari permulaan Perhimpunan Agung UMNO pagi tadi umpamanya, beliau tidak letih-letih berjabat tangan dengan perwakilan UMNO dan pemerhati datang menyaksikan perhimpunan itu.

Sebaik sahaja selesai minuman teh waktu rehat, beliau dengan diiringi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, berjalan menuju ke dewan untuk perbahasan, terpaksa berhenti atas permintaan sekumpulan Wanita UMNO yang ingin bergambar dengannya.

“Semua wanita itu terkekeh ketawa (giggled) apabila Perdana Menteri menuruti kemahuan mereka sambil beramai-ramai berkata: “Terima kasih Datuk, ini kenangan yang tidak dapat dilupakan.”

Upacara hari ini juga adalah satu pertemuan semula pejuang - pejuang lama UMNO seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Sardon Jubir dan Datuk Bahaman Shamsuddin.

Kegembiraan jelas terbayang di muka masing - masing kerana dapat bertemu semula untuk mengenang kembali kisah perjuangan UMNO sejak ditubuhkan pada tahun 1946.

Tunku yang pada mulanya duduk di atas kereta sorong menggagahkan diri untuk bersalaman dengan perwakilan UMNO yang menunggu untuk menemuinya sebaik saja perhimpunan ditangguhkan untuk waktu minum teh pagi.